

# 150 pelajar SK Malawa sertai Program Selangkah Ke Menara Gading di UMS

NST 4.8.2018 4

KOTA KINABALU: Seramai 150 pelajar calon peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Sekolah Kebangsaan Malawa (SK) Malawa, Kota Kinabalu menyertai program Selangkah ke Menara Gading yang dianjurkan bersama oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sekolah tersebut pada Khamis.

Guru Besar Cemerlang SK Malawa, Judin Diana berkata, program sehari yang diadakan di kampus UMS itu bertujuan meningkatkan semangat para pelajar untuk memasuki universiti di samping mendorong untuk meraih pencapaian cemerlang dalam peperiksaan sehingga menjejakkan kaki ke menara gading kelak.

"Antara pengisian program termasuk lawatan sambil belajar ke beberapa kawasan dalam universiti seperti Perpustakaan, Akuarium dan Muzium Marin, Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC) dan Institut Biologi Tropika dan Perhutanan," katanya ketika ditemui media semasa program.

Beliau berkata para pelajar turut mendengar sesi ceramah motivasi bertajuk "Malu Bertanya, Sesat Jalan" yang disampaikan Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Dr. Jakaria Dasan.

"Kesemua pelajar nyata begitu bersemangat mendengar motivasi ini yang menggalakkan para pelajar untuk berani bertanya kepada guru-guru sekiranya sesuatu topik dalam pelajaran kurang difahami," tambah Judin.

Pada ceramah tersebut Dr. Jakaria memaklumkan bahawa kajian mendapati bahawa antara punca kegagalan pelajar memahami dengan jelas topik-topik pelajaran yang diikuti adalah kerana kurang bertanya dengan kata lain pelajar bersikap pasif.

Untuk itu katanya, usaha perlu dilakukan bagi mewujudkan suatu suasana interaktif antara guru dan murid dan antara murid dengan murid.

"Pelajar perlu digalakkan untuk membina soalan dari topik yang diberikan guru. Daripada soalan itu, pelajar perlu menyediakan jawapan-jawapan yang bersesuaian dan berinteraksi sesama mereka dalam satu sesi soal jawab.

"Kaedah ini mampu menjadikan pelajar berasa lebih yakin dan bermotivasi untuk mengutarakan soalan-soalan yang lebih berkualiti kelak," katanya.

Hadir sama pada program tersebut Penolong Kanan Pentadbiran SK Malawa, Ainah Hj. Damit, kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS dan 16 Guru Pengiring SK Malawa.